

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXII)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

2. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Pulau Pinang supaya kekal relevan dan mampu bersaing dalam rantaian bekalan antarabangsa yang kini bergerak ke arah sasaran yang lebih hijau dan lestari? Sila huraikan.

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

2. Di antara pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui PDC untuk membantu Industri Kecil & Sederhana (IKS) di Pulau Pinang supaya kekal relevan dan mampu bersaing di pasaran antarabangsa adalah seperti berikut:-
  - (a) Membina sebuah bangunan 4 tingkat di Fasa 4, Taman Perindustrian Bayan Lepas yang dikenali sebagai *Penang SME Centre* yang bertujuan sebagai pusat inkubasi dan menyediakan ruang kilang kepada pengusaha-pengusaha IKS yang tidak mampu memiliki premis sendiri. Subsidi sewa yang diberikan dapat mengurangkan beban kos perniagaan dan meningkatkan daya saing IKS di pasaran antarabangsa;
  - (b) Membangunkan projek *SME Village* di atas tanah seluas 150 ekar di Taman Perindustrian Batu Kawan dengan menyediakan unit-unit kilang siap bina dan plot-plot tanah berkeluasan kecil bagi menampung permintaan daripada pengusaha IKS baru dan sediada; dan
  - (c) Menubuhkan *Penang Automation Cluster* (PAC) di atas tanah seluas lima (5) ekar di Taman Perindustrian Batu

Kawan (BKIP). Ia merupakan *one-stop metal component supply chain* yang bertujuan untuk membantu IKS tempatan mempertingkatkan daya saing dalam industri automasi. Projek tersebut mendapat sokongan daripada MIDA dan insentif akan diberikan kepada penyewa-penyewa IKS yang beroperasi di PAC.